

05 JUL 2001

JEPUN-MAHATHIR

DR MAHATHIR HARAP KOIZUMI KEKAL LEBIH LAMA

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap rakan sejawatnya dari Jepun Junichiro Koizumi akan kekal lebih lama sebagai merdana menteri bagi memastikan kejayaan pembaharuan struktur kerajaan barunya.

Dr Mahathir melahirkan harapan itu kepada Menteri bagi Ekonomi dan Dasar Fiskal Jepun, Dr Heizo Takenaka yang mengunjunginya Perdana Menteri di pejabatnya di sini, hari ini.

Dalam pertemuan itu, Dr Takenaka berkata Dr Mahathir mahu Koizumi terus berkhidmat sebagai perdana menteri untuk tempoh yang lebih lama mungkin empat atau lima tahun.

Jepun mempunyai perdana menteri baru hampir setiap tahun, katanya kepada satu sidang akhbar hari ini.

"Dr Mahathir memberitahu saya beliau mahu pembaharuan ini berjaya dan beliau juga menghargai usaha-usaha yang dibuat oleh Koizumi," katanya.

Dr Takenaka berkata Jepun kini mempunyai peluang untuk merealisasikan dasar-dasar pembaharuan strukturnya memandangkan kredibiliti yang ada pada Koizumi.

Beliau berkata Koizumi dianggap sebagai tokoh pembaharuan sebenar dan mempunyai karakter peribadi yang jujur, lantang bersuara dan berterus terang.

Koizumi juga boleh merealisasikan pembaharuan struktur memandangkan dasar politiknya yang kukuh yang boleh membantu dasar-dasarnya, katanya.

"Hampir 90 peratus daripada rakyat Jepun kini menyokong beliau dan dasar-dasarnya," katanya dalam satu sidang akhbar hari ini.

Beliau berkata meskipun nisbah itu mungkin merosot lambat launnya, apa yang penting adalah mendapat sokongan daripada rakyat untuk melaksanakan pembaharuan.

Dr Takenaka juga berkata Koizumi mempunyai jentera kerajaan untuk menyokong beliau merealisasikan dasar-dasar pembaharuan.

Mengenai tinjauan ekonomi Jepun, Dr Takenaka berkata Jepun tidak menjangkakan mencatatkan pertumbuhan negatif KDNK yang serius tahun ini.

Menyentuh mengenai prestasi yen Jepun beliau berkata sukar untuk meramalkan tahapnya kerana pembaharuan struktur mungkin membawa kepada tekanan menurun kepada matawang itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan bersedia untuk mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengimbangi tekanan ke atas yen.

Dalam pertemuan dengan Dr Mahathir, Dr Takenaka mencadangkan pertemuan sidang kemuncak teknologi maklumat (IT) bagi negara-negara Asean kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata Dr Mahathir menyokong idea itu serta Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong.

Dr Mahathir mencadangkan standard dasar-dasar IT disamakan dan Dr Takenaka berkata ianya boleh dibincangkan di sidang kemuncak IT yang dicadangkan itu.

Dr Takenaka, yang juga Menteri bagi Dasar Teknologi Maklumat berada di Malaysia untuk mengadakan rundingan dengan pegawai-pegawai kewangan utama negara. --BERNAMA

LES KTC ZK